



**MENTERI** Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid (depan, dua kanan) bersama Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah Prof Dr Ismail Ibrahim (depan, kanan) dan sebahagian daripada warga UMS bertafakur selama seminit bagi memperingati tragedi nahas MH17 yang turut melibatkan pensyarah fakulti itu iaitu Ng Shi Ing yang berasal dari Johor dalam satu majlis khas kelmarin.

## Sedih, pilu selubungi upacara penghormatan terakhir

UB 23.8.2014 A1

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Suasana upacara memperingati mangsa tragedi MH17 diadakan dalam suasana pilu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) khususnya melibatkan salah seorang kakitangan pensyarah di universiti berkenaan.

Mangsa Jesse Ng bersama anaknya Benjamin Ng akan sentiasa berada dalam memori suaminya Lee Vee Weng dan kesemua warga UMS khususnya Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Prof Dr Ismail Ibrahim berkata, Jessie menjadi keluarga UMS bermula pada tanggal 19 September 2011 dan hampir tiga tahun, beliau telah mencurahkan bakti mendidik tanpa henti untuk mencapai destinasi melahirkan guru yang berdedikasi.

“UMS telah kehilangan seorang pensyarah yang sukar dicari ganti. Beliau adalah graduan daripada Universiti Teknologi Malaysia dan menamatkan peringkat sarjana dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris dari Universiti Edinburgh, Scotland adalah seorang pensyarah TESL yang sentiasa dikagumi dalam rakan-rakannya.

“Anak kedua daripada enam adik beradik hasil perkongsian hidup persara kerajaan Ng Pae Soon, 67 dan ibunya Tan Ah Chin yang juga seorang guru sentiasa kelihatan ceria dan peramah sepanjang hayatnya.

“Ibunya memberitahui saya bahawa dia telah kehilangan dua anak perempuan pada masa yang sama...itulah kata ibunya kepada saya ketika berkunjung ke rumahnya di Muar Johor baru-baru ini,” katanya ketika dalam majlis

semepena hari perkabungan peringkat kebangsaan memperingati tragedi MH17 di sini kelmarin.

Beliau berkata, belum sampai tiga tahun muncurah bakti, mendiang telah terlibat dalam beberapa projek penyelidikan bernilai tidak kurang RM480,000 dan lima penyelidikannya berjaya disiapkan.

Katanya, hasil daripada penyelidikan itu, mendiang dan rakan-rakannya telah mengondol lima pingat emas dalam pertandingan Pereka UMS sejak tahun 2011.

“Di peringkat Kebangsaan, mendiang berjaya mengondol pingat emas di International Invention & Technology Exhibition (ITEX) ke 24 pada tahun 2013 dengan ciptaan Creative Personaliti Analyser (CPA).

“Diperingkat antarabangsa, mendiang mendapat pingat gangsa di Iena 2013 Nuremberg Jerman dengan ciptaan Creative and Innovative English Language Teaching Through Digital Story Telling,” katanya.

Menurutnya, dalam usia yang semuda usianya di UMS, mendiang telah berjaya menghasilkan beberapa penerbitan yang berimpak tinggi iaitu sebanyak lima artikel Jurnal, lima bab dalam buku dan melebihi 10 buah artikel sudah dimuatkan dalam prosiding.

Katanya, dalam masa sesingkat tiga tahun, mendiang juga telah menyertai beberapa persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Ahmenabad India, Vietnam, Thailand, Beijing, Taiwan dan akhir sekali di Universiti of Antwerp, Belgium. Di sinilah bermula segala tragedi yang amat sukar dilupakan oleh semua warga Malaysia.



**PARA** rakan mendiang meletakkan bunga sebagai tanda kenangan dan penghormatan.

“Mendiang adalah seorang pensyarah yang muda dan pergi ke sana menunaikan tanggungjawab membentangkan kertas kerja...sebagai ketua jabatan saya merasakan kehilangan ini sukar diganti.

“Pejabat mendiang masih belum dikemasukan dan barang-barang masih berada seperti sebelumnya dan hanya mengemaskan pejabat itu selepas mendapat kebenaran daripada suami mendiang.

“Saya difahamkan suaminya, jenazah mendiang akan dibawa balik esok tetapi tidak pasti mengenai jenazah anaknya benjamin tetapi dalam masa terdekat semuanya akan selesai,” katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna

Datuk Jainab Ahmad Ayid ketika ditemui dalam majlis itu berkata, tragedi itu adalah kejadian yang sangat menyediakan termasuklah tragedi MH370 yang belum selesai sehingga hari ini.

Jainab juga mengingatkan kepada semua rakyat agar tidak sesuka hati menghina orang dalam laman sosial kerana pada satu hari nanti semua orang akan ‘pergi’ juga.

“Biarlah kita ‘pergi’ dengan peninggalan legasi yang baik untuk keluarga dan negara,” katanya.

Manakalah Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar Prof Madya Dr Ismail Ali berharap majlis yang diadakan itu dapat dijadikan pedoman kepada semua rakyat di Sabah dan harap mendiang akan disemadi dengan tenang.